

# KERTAS MODEL SPM

## KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian**: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

### Bahagian A


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada ciri kafeteria sekolah yang berkualiti.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri kafeteria sekolah yang berkualiti. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


### CIRI-CIRI KAFETERIA YANG BERKUALITI



Persekutuan yang Ceria



Pekerja Berpakaian Kemas



Makanan yang Berkhasiat

**Bahagian B**  
[100 markah]  
[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

- 1 Anda ingin menyertai peraduan menulis rencana untuk disiarkan dalam buletin sekolah. Tajuk yang diberikan ialah “Kepentingan Industri Pelancongan kepada Negara”.

Tulis rencana itu selengkapnya.

- 2 Kegilaan remaja terhadap program-program realiti televisyen menyebabkan tumpuan mereka terhadap pelajaran terjejas.

Berikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam usaha mengawal kecenderungan anak-anak terhadap program realiti televisyen.

- 3 Anda telah mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat daerah. Tajuk syarahan anda ialah “Kemajuan Negara Bergantung pada Produktiviti Rakyat”.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

- 4 Belakangan ini, penyakit berjangkit yang berbahaya cepat merebak di kebanyakan negara di dunia.

Jelaskan langkah-langkah untuk mengawal penularan penyakit berjangkit tersebut secara global.

- 5 Peribahasa “sudah terhantuk baru terngadah” membawa maksud sesudah mendapat kesusahan, baru beringat-ingat.

Berdasarkan peribahasa tersebut, huraikan kebaikan sikap beringat-ingat ketika melaksanakan sesuatu tugas.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# KERTAS MODEL SPM

## KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

### Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan-kelebihan mengamalkan ucapan terima kasih dan sebab-sebab ucapan terima kasih semakin dilupakan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Ucapan terima kasih begitu mudah dan ringkas, malahan kanak-kanak sekalipun tidak sukar untuk menyebutnya. Sekecil-kecil ucapan terima kasih memberikan kebahagiaan kepada seseorang. Hal ini nampak remeh, tetapi kesannya berpanjangan bukan hanya pada orang lain, bahkan juga penyumbang besar pada keperibadian kita. Ucapan ini selayaknya dilontarkan sebagai penghargaan terhadap seseorang yang berbuat kebaikan tanpa mengira taraf dan status sosial. Malangnya, ucapan terima kasih yang sepatutnya sudah sebatи dalam jiwa kita kerana sering diucapkan dalam pergaulan sehari-hari ini masih berat untuk dijadikan *pakaian lidah* dalam kehidupan.

Ucapan terima kasih bukanlah sesuatu yang asing bagi anak Malaysia. Hal ini disebabkan amalan ini melambangkan keperibadian masyarakat kita, iaitu sikap yang memperlihatkan kemurnian sahsiah yang menjadi warisan sejak sekian lama. Dalam konteks yang lebih luas, masyarakat dunia pun sangat menghargai ucapan terima kasih yang menjadi lambang ketamadunan manusia menyanjungi apa-apa jua kebaikan yang dilakukan oleh orang lain. Ucapan tersebut membuka ruang supaya kita menghargai segala kebaikan yang kita terima. Perkara ini tidak wajar diabaikan kerana lazimnya apabila kita menghargai budi orang, maka kita pun akan dihargai orang. Amalan harga-menghargai ini telah diajarkan oleh ibu bapa dan anggota keluarga yang lebih tua sejak seseorang itu masih belum akil baligh. Apabila ucapan ini dijadikan amalan harian, sudah tentu akan mendorong si pelaku untuk mengulangi perbuatan baiknya kerana terangsang oleh penghargaan yang diterimanya.

Sekalipun ucapan terima kasih berbeza-beza dalam pelbagai bahasa, namun ucapan ini menjadi simbol penghargaan paling bermakna kepada seseorang yang telah melakukan sesuatu kepada orang lain. Pendengar akan berasa sejuk hati apabila mendengar ungkapan yang ikhlas ini. Kita boleh mengambil contoh; anak, ibu bapa, guru, pensyarah, pekerja, atau majikan semuanya sangat menghargai ucapan tersebut. Menariknya, budaya menzahirkan ucapan terima kasih kepada guru-guru bermula sejak usia tujuh tahun lagi. Roh ucapan ringkas ini terkandung padanya segala maksud berhubung dengan kebaikan yang diterima. Oleh hal yang demikian, amalan ini perlu dipraktikkan supaya masyarakat kembali memperoleh makna daripada amalan berterima kasih. Menerusi ucapan terima kasih ini juga, kita dapat mengakrabkan hubungan baik dengan orang lain kerana mereka memandang tinggi terhadap orang yang berbudi bahasa dan bersopan santun. Ucapan keramat ini juga menggambarkan akhlak seseorang yang terpuji kerana orang yang bongkak dan sompong sahaja yang tidak mahu berterima kasih sesama manusia.

Sehubungan dengan itu, anggota masyarakat juga tidak sepatutnya melupakan ucapan berkenaan terhadap tanah air mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana warganegara yang berstatuskan anak watan memperoleh pelbagai kemudahan, perlindungan, pendidikan, rawatan perubatan, peluang pekerjaan, dan kesejahteraan hidup. Mereka harus sedar bahawa negara lain tidak mudah menerima mereka sebagai warganegara. Oleh sebab itu, wajar sekali rakyat bersyukur dengan apa-apa yang ada di tanah air sendiri. Caranya mudah sahaja, iaitu ucapkanlah "terima kasih" kepada pemimpin terdahulu dan pemimpin sekarang yang telah memakmurkan negara Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Konsep Terima Kasih Demi Kestabilan Negara'  
oleh Ghazali Din,  
*Berita Harian*, 10 April 2018

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum***Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pakaian lidah*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan bahawa ucapan terima kasih ini sepatutnya sebatی dalam jiwa kita. Nyatakan sebab-sebab pengarang membuat penegasan demikian. [3 markah]
- (iii) Nilai tersembunyi di sebalik ucapan terima kasih itu tidak patut dipandang remeh kerana ucapan tersebut lebih berharga daripada wang ringgit. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan negatif pengabaian ucapan terima kasih? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden***Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Bebaskan Tanah Melayu!” Itulah kata-kata penutup pidato Ahmad Mutawakkil pada malam itu. Kami juga diingatkan untuk terus berjuang mendesak Inggeris berundur, sesuai dengan perjanjian pada 1 Februari 1948.

“Persekutuan Tanah Melayu mesti jadi kenyataan,” katanya dengan penuh semangat.

Kami juga diberitahu oleh Ahmad Mutawakkil, dua tahun dari sekarang, yakni tahun 1955, satu pilihan raya di peringkat Kuala Lumpur akan diadakan.

“Jadi, kita perlu bekerja dengan lebih kuat, bahang kemerdekaan semakin dekat.”

Walaupun pidato pada malam itu sangat menarik dan semua mata terpaku kepada Ahmad Mutawakkil, setiap mata kami yang hadir tetap liar menyelinap, tercari-cari di mana duduknya Sandra, anak gadis Tuan Booth.

Agak memerlukan, si rambut perang bermata biru lembut itu tidak kelihatan. “Barangkali dia tak sihat ... atau merajuk dengan Ahmad Mutawakkil ... atau ... .” Kami mendengar segala macam soksek-soksek.

Akhirnya, dek terpesona oleh kata-kata dan kobaran semangat merdeka, seluruh isi fikiran dan muatan perasaan kami karam dipukau Ahmad Mutawakkil.

Selain citra merdeka, dalam ceramah pada malam itu, dengan nada penuh kesal, Ahmad Mutawakkil turut mengkritik orang Melayu yang sanggup diperalat Parti Komunis Malaya. Walaupun, siang tadi Penghulu Ibrahim Sigap berulang kali menasihatinya agar tidak menyentuh perihal komunis, Ahmad Mutawakkil tetap lantang membidas.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejahad Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan inti pati pidato yang disampaikan oleh Ahmad Mutawakkil kepada masyarakat kampung pada malam itu. [2 markah]
- (ii) Pengucapan pidato dengan mengemukakan isi-isi yang bernas dan meyakinkan mampu menarik minat audiens untuk terus menghayati pengucapan pidato hingga tamat.  
Pada pendapat anda, apakah teknik-teknik lain yang sesuai dan berkesan dapat dilakukan agar pengucapan awam yang digunakan mampu menarik perhatian khalayak untuk mengikuti pengucapan tersebut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai murni lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:

Cau Pandan anak Bubunny,  
Hendak menyerang ke Melaka;  
Ada cincin berisi bunga,  
Bunga berladung si air mata.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah yang menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda *tatkala naik raja* itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *tatkala naik raja*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan kekuatan ciri peribadi yang dimiliki oleh Sultan Mansur Syah. [3 markah]
- (iii) Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu.
- Pada pendapat anda, mengapa Siam membatalkan hasratnya untuk menyerang Melaka setelah kematian Cau Pandan? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Sang Gembala Kuda**

Dia lelaki bergelar perkasa  
dengan cemeti keberanian di tangan  
rembat angkuhnya memacu takut  
menghalau kuda-kuda di padang  
*berebutan memburu kandang.*

Rumput dan jerami yang terhidang  
adalah kanun janji kesetiaan  
dimamah rakus kala lapar  
tak peduli nasib diri setelah kenyang  
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa  
sesekali suaranya lebih gempita  
daripada ringkik kuda sekandang  
pacuannya diiring seribu keberanian  
meredah onak di rimba perburuan  
meranduk lumpur di paya penindasan  
sambil melibas cemeti durjana  
dia melampar muslihat  
aku penyelamat maruah  
berjuang atas dasar kebenaran  
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda  
hanya mengenal pantas tunggangan  
tanpa membaca keletihannya  
dia lelaki sang gembala kuda  
hanya tahu mengejar kehebatan  
tanpa menghitung kesakitannya  
dan kuda-kuda itu ditunggangi  
ditunggangi dan ditunggangi!

**Mohd Hashim Othman**

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *berebutan memburu kandang*. [2 markah]
- (ii) Dalam sajak di atas, penyajak ada menyentuh tentang persoalan sikap pemimpin yang terlalu mementingkan diri sehingga mengabaikan kebijakan rakyat.  
Pada pendapat anda, apakah implikasi-implikasi yang akan berlaku sekiranya sikap pemimpin sebegitu dibiarkan berterusan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) pracukai
- (ii) propaganda
- (iii) subversif
- (iv) konvokesyen
- (v) mancanegara
- (vi) kontradiksi

[6 markah]

- (b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini kepada **dua ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Budak-budak itu tetap bermain bola sepak di padang walaupun cuaca panas terik.
- (ii) Rekaan Mohamad Rezza Fitri dalam pertandingan reka cipta itu sangat menarik dan memikat hati para juri.
- (iii) Masliana mengambil senaskhah novel remaja lalu membaca novel tersebut.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Golongan cendikiawan bertanggungjawab untuk menjanakan idea-idea baharu bagi membolehkan pihak berkuasa melakukan perubahan yang banyak secara beransur-ansur demi kebaikan masyarakat.
- (ii) Untuk mencegah jenayah secara berkesan, setiap orang perlulah mengubah sikap tidak perduli apabila melihat jenayah berlaku di hadapan mata dengan alasan perkara itu tidak melibatkan mereka.
- (iii) Tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka mewujudkan sistem odit bahasa harus dipuji kerana semakin banyak pihak yang mengabai martabat dan kedaulatan bahasa kebangsaan kini.

[6 markah]

- (d) Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah menyediakan sambungan Internet yang lebih laju kepada harga yang munasabah dalam usaha menggalakkan rakyat memesan jalur lebar. Usaha ini dapat kita lihat melalui pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelaian Tinggi yang akan dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama di negara ini. Projek yang akan masa sepuluh tahun ini akan membolehkan pengguna mendapat akses Internet pada halaju antara 10 megabit sesaat (1 Mbps) dan 1 gigabit sesaat (1 Gbps). Selain mendapat keupayaan akses Internet yang lebih laju, pengguna sudah tentu berharap agar projek ini dapat menjurus kepada caj jalur lebar yang lebih murah. Kadar caj yang lebih munasabah ini akan menyemarakkan langganan pertumbuhan jalur lebar yang semakin meningkat jumlahnya. Pada masa ini, kos akses jalur lebar masih tinggi dan sukar dimiliki oleh kebanyakan rakyat biasa. Tambahan pula, tahap kualiti perkhidmatan tidak konsisten dan lintasannya terhad di lokasi-lokasi terpilih sahaja. Pengaplikasian jalur lebar akan memudahkan dan menggalakkan lebih banyak rakyat mendapat maklumat, berkomunikasi, dan berhibur secara dalam talian. Kemudahan ini akan mempercepat usaha merapatkan jurang digital di antara penghuni kawasan bandar dengan desa di negara ini.

[6 markah]

- (e) Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.
- (i) Indah khabar daripada rupa
  - (ii) Bertemu buku dengan ruas
  - (iii) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Rohaini Matdarin
- (iii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (v) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vi) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Dalam sesebuah novel, watak-watak saling berhubungan. Hubungan itu mempunyai kepentingan antara satu watak dengan satu watak yang lain.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, kemukakan **dua** contoh hubungan antara dua watak dengan dua watak yang lain dan bincangkan kepentingan hubungan antara watak itu. [7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji,uraikan **satu** peristiwa yang memaparkan persoalan tentang tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa atau keluarga yang terkandung dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**